

PERKAHWINAN KANAK-KANAK DAN TAHAP MINIMA UMUR PERKAHWINAN DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Child Marriage And Minimum Age Of Marriage Under Islamic Family Law

Zanariah Noor¹

ABSTRACT

Child marriage is not a new topic of debate within the Muslim society. Different understandings and tendencies in interpreting the laws on such an issue among Muslims has sometimes led to conflicts in the society. The discussion regarding child marriage is closely related to the issues of puberty according to Islamic law as well as the readiness of the child to engage in sexual intercourse and the approaches taken by Islamic countries, including Malaysia, to tackle such issues. This article discusses the above mentioned aspects according to Islamic law in classical Fiqh books and also provides comparisons between Islamic family law statutes in other countries.

Keywords: *child, Islamic family law, child marriage, law of minimum age of marriage*

¹ Senior Lecturer, Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, zanariah@fsk.upsi.edu.my.

PENDAHULUAN

Perkahwinan kanak-kanak bukan suatu isu dalam kalangan masyarakat silam. Amalan ini dilakukan secara meluas, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, bahkan juga dalam budaya silam masyarakat dunia yang lain, seperti di China, Jepun, India, Babylon, Rom, Athens, Yahudi dan Kristian di Eropah.² Perubahan pemikiran dan budaya masyarakat mengubah persepsi mereka terhadap apa yang wajar atau sebaliknya dalam norma-norma kehidupan dan bentuk perundungan yang mengatur peraturan masyarakat setempat. Aliran pemikiran moden yang menekankan prinsip egalitarian membuka ruang dan peluang yang sama kepada lelaki dan wanita terhadap hak-hak kemanusiaan terhadap kehidupan menjadi prinsip yang mendasari masyarakat moden. Mereka mula menolak perkahwinan kanak-kanak yang dilihat sebagai satu bentuk penganiayaan terhadap kanak-kanak dan menafikan peluang mereka membuat keputusan tentang bentuk kehidupan yang mereka inginkan apabila mereka dewasa. Prinsip ini diteguhkan lagi melalui kodifikasi undang-undang yang menetapkan batasan umur seseorang sebagai kanak-kanak dan dewasa dalam kerangka menjaga kepentingan kanak-kanak. Perkembangan yang berlaku di Barat secara beransur-ansur turut mempengaruhi persepsi masyarakat Islam moden terhadap keperluan penilaian semula hukum-hukum Islam tertentu termasuk yang membabitkan kekeluargaan dan secara khususnya yang akan dibincangkan dalam artikel ini iaitu perkahwinan yang membabitkan kanak-kanak. Perbincangan perkahwinan bawah umur yang dikemukakan dalam artikel ini merujuk perkahwinan yang melibatkan kedua belah pihak pasangan atau salah satu pihak adalah kanak-kanak mengikut ketetapan umur diperuntukkan dalam statut moden yang digunakan di negara-negara yang mempunyai majoriti masyarakat Islam pada hari ini.

DEFINISI KANAK-KANAK MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG

Batasan antara seseorang yang dianggap dewasa dengan seseorang yang dianggap sebagai kanak-kanak dalam Islam tidak secara mutlak ditentukan oleh tahap umur sebagaimana yang dikemukakan oleh prinsip perundungan Barat. Mengikut undang-undang Islam, istilah kanak-kanak digunakan merujuk

² Harald Motzki, ‘Child Marriage in Seventeenth – Century Palestine,’ *Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas* (ed. Muhammad Khalid Masud, Brinkley Messick & David Powers; Cambridge: Harvard University Press, 1996), 129.

kepada seseorang yang belum baligh.³ Terdapat dua cara bagi menentukan sama ada kanak-kanak itu sudah baligh atau sebaliknya, iaitu i) baligh secara tabi'i, dan ii) baligh dengan umur.

Penentuan baligh secara tabi'i bermaksud penentuan berdasarkan tandatanda fizikal. Kanak-kanak perempuan dianggapkan sebagai mencapai tahap baligh apabila didatangi haid⁴ dan bagi kanak-kanak lelaki apabila keluar air mani.⁵ Penentuan baligh secara umur pula ditentukan apabila tanda-tanda fizikal tidak berlaku pada tubuh badan kanak-kanak. Oleh itu, fuqaha' meletakkan tahap umur tertentu sebagai umur baligh. Mengikut mazhab Ḥanafī,⁶ Shāfi‘ī,⁷

³ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūtī, *al-‘Ashbāh wa al-Naṣā’ir fī Qawā'id wa Furu' Fiqh al-Shāfi‘īyyah* (al-Qāhirah: Mu'assasah al-Ḥalabī, n.d.), 240; Zayn al-Ābidīn bin Ibrāhīm bin Nujaym, *al-‘Ashbāh wa al-Naṣā’ir 'ala Madhhab Abī Ḥanīfah al-Nū'mān* (al-Qāhirah: Mu'assasah al-Ḥalabī, 1387H/1968M), 306. ‘Tiga orang yang tidak dikira sebagai bertanggungjawab ke atas perbuatannya, iaitu seorang yang tidur sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) dan seorang yang gila sehingga dia siuman’, al-Ḍārimī, *Sunan, Kitāb al-Hudūd, Bāb Raf'u al-qalam 'an thalāth*.

⁴ Pendapat ini berdasarkan Hadis Nabi SAW bahawa Asma' bin Abu Bakar masuk ke rumah Rasulullah SAW dengan berpakaian yang nipis, lalu baginda berpaling daripada melihatnya dan bersabda: “Wahai Asma’! Apabila seseorang perempuan itu mencapai umur haid (baligh), maka tidak boleh dilihatnya padanya kecuali ini dan ini” - sambil baginda tunjukkan pada muka dan dua tapak tangannya. Lihat Abū Dāwūd, *Sunan, Kitāb al-Libās, Bāb fī mā tūbqīt al-mar'at min zīnatihā*; Lihat juga Abī 'Abdullah Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm* (Misr: al-Ḍār al-Miṣriyyah, 1321H/1904M), ii. 223.

⁵ Al-Ḍārimī, *Sunan, Kitāb al-Hudūd, Bāb Raf'u al-qalam 'an thalāth*; Abī Ishāq al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, (Misr: Maktabah Isā al-Bābī al-Ḥalabī, n.d.), i. 330; al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, ii. 223; Abī Muḥammad 'Abdallah bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mughnī*, (Misr: Maktabah al-Qāhirah, 1969), iv. 345.

⁶ Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wahīd Ibn al-Ḥummām, *Sharḥ Fath al-Qadīr* (Misr: Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, n.d.), iii, 310; Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabṣūt* (Beirūt: Dār al-Ma'rīfah, 1989), v. 46. Pendapat yang mengatakan lima belas tahun sebagai umur baligh adalah berdasarkan pendapat Abu Yūsuf dan Muḥammad. Abū Ḥanifah diriwayatkan meletakkan umur tujuh belas tahun bagi lelaki dan perempuan sebagai umur baligh, dan dalam satu riwayat lain pula dikatakan pada umur lapan belas bagi lelaki dan tujuh belas tahun bagi perempuan. Lihat Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, iv. 346.

⁷ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, iv. 346; al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, i. 330; al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, ii. 223; Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin Salāmah al-Qalyūbī & Shihāb al-Dīn Aḥmad al-Barlaṣī, *Hāshiyatānī Qalyūbī wa 'Umayrah* (Misr: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1956), ii. 300.

dan Ḥanbalī⁸ seseorang kanak-kanak dianggapkan sebagai baligh apabila berusia lima belas tahun.⁹ Manakala mazhab Malikī¹⁰ pula menghadkan umur tujuh belas tahun sebagai umur baligh.

PERKAHWINAN KANAK-KANAK MENGIKUT PANDANGAN ULAMA MAZHAB

Sebelum wujudnya undang-undang yang menghadkan umur minima seseorang itu boleh berkahwin, amalan perkahwinan pada umur yang muda, bahkan yang melibatkan kanak-kanak adalah suatu kebiasaan dalam kalangan masyarakat. Dalam kalangan masyarakat Arab jahiliyyah contohnya, *nikah al-ṣighār* adalah suatu yang lazim. *Nikah al-ṣighār* adalah amalan saling bertukar anak perempuan yang masih muda antara bapa-bapa untuk mereka kahwini. Amalan ini tidak memberi ruang pilihan kepada anak-anak perempuan untuk menolak. Amalan *nikah al-ṣighār* ini walau bagaimanapun telah diharamkan dalam Islam.¹¹

Perbincangan dalam kalangan mazhab fiqh menunjukkan perbezaan pendapat ulama mengenai perkahwinan kanak-kanak. Jumhur ulama berpendapat perkahwinan kanak-kanak dari segi hukumnya adalah dibenarkan. Mazhab Malikī dan Shāfi‘ī berpendapat hanya wali mujbir sahaja yang boleh mengahwinkan kanak-kanak yang berada di bawah perwalian mereka, namun mereka berbeza pandangan tentang siapakah orang yang dianggapkan sebagai wali mujbir. Mengikut mazhab Malikī hanya bapa sahaja dianggapkan sebagai wali mujbir, dan ini tidak termasuk datuk sebelah bapa.¹² Manakala, mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī hanya menerima bapa dan datuk sebelah bapa sebagai wali mujbir.¹³

Hanya wali mujbir sahaja dibenarkan mengahwinkan kanak-kanak kerana mereka dianggapkan bertindak atas dasar menjaga kebajikan dan maslahah kanak-kanak yang berada di bawah perlindungan mereka. Wali yang lain

⁸ Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Allah al-Zarkashī, *Sharḥ al-Zarkashī ‘alā Mukhtaṣar al-Kharqiy* (Riyāḍ: Maktabah al-‘Aikān, 1993), 95.

⁹ Abū Dāwūd, *Sunan*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb fī al-ghulām yuṣīb al-hadd.; al-Tirmidhi, *Sunan*, Kitāb al-Jihād, Bāb mā jā’ a fī ḥad al-bulūgh al-rajul wa matā yufrad lahu.

¹⁰ Shams al-Dīn Muḥammad al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, (al-Qāhirah: Maktabah Zahran, n.d.), iii. 293.

¹¹ Al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsut*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001), v. 99.

¹² ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-Arba’ah* (n.p.: Maṭba’ah al-Irshād, 1935), iv. 51.

¹³ Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, iv. 51.

(selain wali hakim) termasuk bapa saudara atau adik beradik lelaki contohnya tidak berhak mengahwinkan kanak-kanak di bawah perwalian mereka.¹⁴

Walau bagaimanapun, mazhab Malikī mengatakan dalam keadaan di mana wali mujbir mewasiatkan kepada wasi (orang yang diwasiatkan menjaga kanak-kanak selepas kematian bapa), untuk menikahkan anak perempuannya, wasi berkenaan juga dianggapkan mempunyai kuasa sebagai wali mujbir.¹⁵ Begitu juga, dalam mazhab Ḥanbalī selain wali mujbir, wali hakim juga boleh menggunakan kuasa ijbar mengahwinkan seseorang termasuk kanak-kanak jika wujudnya “*hajah*” (keperluan) yang memerlukan dia dikahwinkan bagi menjaga maslahah dirinya.¹⁶

Walaupun mengahwinkan kanak-kanak dibenarkan menurut pandangan ulama sebagaimana yang dinyatakan di atas, namun disunatkan bagi seorang bapa hanya mengahwinkan anak perempuannya yang *al-bikr* (anak dara) yang sudah mencapai usia baligh dan dengan mendapat keizinannya.¹⁷

Hanya ulama mazhab Ḥanafī sahaja yang berpendapat bukan sahaja wali bapa dan datuk sebelah bapa dibenarkan mengahwinkan kanak-kanak lelaki dan perempuan, bahkan juga wali-wali asabah yang lain juga boleh berbuat demikian, dengan syarat lelaki (suami) adalah seorang yang sekufu dan berkahwin dengan mahar *mithli*. Jika wali asabah (selain mujbir) mengahwinkan kanak-kanak perempuan dengan lelaki yang tidak sekufu dan tidak menggunakan mahar *mithli*, aqad nikah tidak sah.¹⁸

Bagi mazhab Ḥanbalī, perkahwinan kanak-kanak sama ada *al-bikr* (anak dara) atau *thayyib* (pernah disetubuhi dalam aqad nikah yang sah) hanya dibolehkan jika dilakukan oleh wali mujbir dan umur kanak-kanak berkenaan di bawah sembilan tahun. Jika dia telah mencapai usia sembilan tahun dan dia juga adalah seseorang yang *thayyib* dan keizinannya diperlukan bagi mewujudkan aqad nikah.¹⁹

Alasan yang dikemukakan oleh golongan yang mengharuskan perkahwinan kanak-kanak ialah berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad S.A.W yang berkahwin dengan Aishah R.A ketika usianya enam tahun, dan hidup bersama

¹⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1984), vii. 181; al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, iv. 33-35.

¹⁵ Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, iv. 4, 29.

¹⁶ Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, iv. 4, 51.

¹⁷ Abī Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Talibin* (Tahqīq: Adil Ahmad Abd al-Mawjud; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), v. 402.

¹⁸ Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, iv. 29-30.

¹⁹ Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, iv. 36, 51.

Nabi Muhammad S.A.W ketika umurnya sembilan tahun.²⁰ Bahkan, amalan ini juga diperlakukan oleh para sahabat seperti Ali bin Abi Talib, ‘Urwah al-Zubair, Abdullah Ibn Mas’ud dan lain-lain.²¹

Mereka juga berpendapat amalan ini diharuskan dalam Islam berdasarkan kepada dalil dalam al-Quran mengenai iddah bagi kanak-kanak perempuan yang belum datang haid yang ditetapkan sebanyak tiga bulan sebagaimana iddah bagi wanita yang telah putus haid وَاللَّائِي يَكُنْ مِنْ الْمُحِيطِينَ مِنْ نِسَاءِكُمْ إِنْ (). ارْتَسِتُمْ فَعَدْتُمْ ثَلَاثَةً أَشْهُرٍ وَاللَّائِي لَمْ يَحْضُرْنَ²². Iddah hanya berlaku apabila berlaku pernikahan dari perceraian. Oleh itu, dalil ini menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan harus dikahwinkan dan diceraikan.²³

Dalil seterusnya yang dirujuk ialah mengenai seruan untuk berkahwin dengan “al-ayāma.” (وَأَنْكُحُوا الْأَيَامِي).²⁴ Maksud “al-ayāma” ialah wanita yang belum bersuami sama ada kanak-kanak atau orang dewasa. Oleh itu, perkahwinan boleh dilangsungkan bagi perempuan yang masih kanak-kanak dan juga baligh.

Antara alasan lain yang dikemukakan ialah perkahwinan yang diatur sendiri oleh wali sudah pasti bertujuan menjaga maslahah anak-anak yang berada di bawah pengawasan mereka. Oleh sebab itu, kebanyakan ulama hanya menghadkan amalan mengahwinkan anak lelaki atau perempuan yang masih kanak-kanak kepada wali mujbir sahaja dan tidak wali yang lain. Seorang bapa atau datuk dianggapkan mempunyai perasaan rahmah dan kasih sayang sudah pasti menguruskan hal ehwal berkaitan dengan anak wali secara teliti bagi menjaga kebijakan dan *maṣlaḥah*nya. *Maṣlaḥah* yang perlu dijaga adalah *maṣlaḥah* kanak-kanak berkenaan dan bukannya *maṣlaḥah* atau manfaat yang boleh dinikmati oleh bapa atau wali atau ahli keluarga yang lain.²⁵

Atas asas menjaga *maṣlaḥah* kanak-kanak juga, perkahwinan tersebut mestilah dengan lelaki yang sekufu dan dengan menggunakan mahar *mithl*. Seorang bapa contohnya, berkemungkinan berpendapat peluang untuk mengahwinkan anak perempuan dengan lelaki yang dianggap sekufu sukar

²⁰ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkanī, *Nail al-Awtar Sharḥ Muntaqa al-Akhbar min Ahādīth Sayyid al-Akhyār*, Bāb ma Ja’ā fī al-Ijbar wa al-Isti’mār (Miṣr: al-Maṭba’ah al-Uthmaniyyah al-Miṣriyyah, 1358H/1939M), v. 120.

²¹ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 180.

²² Surah al-Talāq 65: 8.

²³ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 180.

²⁴ Surah al-Nur 24: 32

²⁵ Sheikh Alī al-Khatib, *Fiqh al-Tifl: Dirāsah Muqaranah fī Dau’ al-Madhahib al-Fiqhiyyah al-Sab’ah* (Beirūt: Mu’assasah al-‘Arif, 2002), 370.

diperolehi. Oleh itu, apabila terbuka peluang untuk menjodohkan anaknya dengan lelaki yang sekufu dia bertindak mengahwinkan anaknya dengan lelaki itu dengan segera walaupun anaknya masih kanak-kanak.²⁶

Mazhab Shāfi'ī meletakkan syarat-syarat khusus bagi perkahwinan seseorang perempuan secara ijbar sama ada melibatkan kanak-kanak atau wanita baligh dan berakal, iaitu;

1. Tidak wujud permusuhan atau perseteruan antara wali mujbir dengan anak waliannya;
2. tidak wujudnya perseteruan antara lelaki (bakal suami) dan anak perempuan berkenaan. Jika wali mujbir mengahwinkannya juga dengan lelaki berkenaan yang tidak disukainya atau lelaki yang boleh mendatangkan keburukan kepadanya, aqad nikah tidak sah;
3. lelaki yang dikahwini mestilah sekufu dengannya;
4. lelaki berkenaan berkemampuan menyediakan mahar;
5. keempat-empat syarat ini perlu dipenuhi bagi mewujudkan aqad nikah yang sah. Jika tidak dipenuhi, kesannya aqad nikah batal.
6. dinikahkan dengan mahar *mithli*;
7. bayaran dalam bentuk nilai matawang yang diterima dalam negeri berkenaan; dan
8. suami mampu membayar mahar secara tunai (bukan tangguh atau hutang).²⁷

Ibn Hazm pula berpendapat hanya kanak-kanak perempuan sahaja dibenarkan untuk dikahwinkan, tetapi kanak-kanak lelaki tidak diharuskan berkahwin sehingga dia mencapai tahap baligh, dan jika dia dikahwinkan juga aqad nikah tersebut adalah batal.²⁸

Namun begitu, terdapat juga segolongan ulama yang tidak bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan perkahwinan melibatkan kanak-kanak. Ibn Shabramah contohnya berpendapat kanak-kanak yang belum baligh sama ada lelaki atau perempuan tidak harus berkahwin. Beliau berhujah bahawa

²⁶ Al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsut*, iv. 236; Ibrahim Fauzi, *Aḥkām al-Usrah fī al-Jahiliyyah wa al-Islām* (Beirūt: Dār al-Kalimah, 1983), 61.

²⁷ Al-Jazirī, *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, iv. 35-36.

²⁸ Abū Muḥammad Alī bin Aḥmad bin Sa'id bin Hazm al-Andalusī, *al-Muhalla bi al-Āthār* (Taḥqīq: Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandarī; Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, n.d.), ix. 44.

hadis yang merujuk kepada perkahwinan Nabi Muhammad S.A.W dengan Aishah R.A yang pada ketika itu usianya enam tahun hanyalah khusus bagi Nabi sahaja, dan tidak kepada orang lain, sebagaimana juga hukum poligami melebihi empat orang isteri yang hanya dikhurasukan kepada Nabi sahaja.²⁹ Mereka menghujahkan pendapat mereka berdasarkan dalil dalam al-Quran (وَأَتَّلُوا الْيَتَامَى حَتَّى إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ) yang bermaksud: “Dan ujilah anak yatim sehingga mereka telah sampai umur baligh (*balaghū al-nikah*).³⁰

Dalam hujahnya golongan ini mengatakan bahawa mengahwinkan kanak-kanak adalah sesuatu yang bukan mendatangkan manfaat (sia-sia) kerana kanak-kanak tiada keperluan kepada ikatan perkahwinan yang bermatlamatkan memenuhi kehendak *shahwat* suami isteri serta untuk mendapatkan zuriat secara sah. Pensyariatan perwalian asasnya adalah bagi menjaga *maṣlaḥah* anak walian (kanak-kanak), oleh sebab itu dalam keadaan tertentu tindakan wali yang dilihat boleh mendatangkan mudarat / risiko kepada anak walian tidak dibenarkan, contohnya tindakan wali menghibahkan harta milikan anak waliannya dianggap sebagai tidak sah. Dalam hal ini, kedudukannya adalah sama dengan isu mengahwinkan anak waliannya yang masih kanak-kanak, kerana kanak-kanak tidak memerlukan kepada perkahwinan.³¹

Adakah hubungan kelamin dengan isteri yang belum baligh dibenarkan dalam Islam?

Usia baligh dianggap sebagai batasan masa yang menunjukkan mereka telah bersedia secara fizikal untuk melakukan hubungan kelamin. Hubungan kelamin antara suami dan isteri yang kedua-duanya masih kanak-kanak lazimnya tidak menjadi isu disebabkan keperluan fizikal dan mental mereka yang tidak memerlukan atau berkehendak kepada hubungan kelamin.

Isu yang lazim dibangkitkan ialah apabila melibatkan perkahwinan antara lelaki yang telah baligh dan dewasa dengan perempuan yang masih kanak-kanak belum baligh dengan haid atau belum mencapai usia kiraan tahun bagi baligh. Malahan, bagi kanak-kanak perempuan, perhubungan kelamin boleh menyebabkan mudarat dari segi fizikal dan emosi disebabkan ketidaksediaan fizikal dan mental mereka terhadap perhubungan tersebut. Kehamilan yang juga mungkin boleh berlaku disebabkan perhubungan tersebut juga adakalanya

²⁹ Ibn Hazm, *al-Muḥalla*, ix. 38-39; Ibrahim Fauzi, *Aḥkam al-Usrah fī al-Jahiliyyah wa al-Islām*, 61.

³⁰ Surah al-Nisa’, 4: 5.

³¹ Al-Sarakhsī, *Kitab al-Mabsut*, iv. 236.

boleh menyebabkan mudarat kepada ibu yang mengandung dan juga anak dalam kandungan.

Jika diteliti amalan Nabi Muhammad S.A.W sendiri berkenaan dengan perkahwinannya dengan Aishah R.A yang pada ketika itu berusia enam tahun, dan juga rujukan kepada *athar* sahabat sendiri menjadi sandaran kepada keputusan hukum dalam kalangan ulama-ulama silam bahawa perkahwinan kanak-kanak adalah diharuskan. Walau bagaimanapun, kehidupan berumahtangga atau hubungan suami isteri antara keduanya hanya bermula apabila Aisyah R.A berusia sembilan tahun.

Perbincangan dalam kitab-kitab *turath* tidak menyatakan larangan dengan jelas kedudukan hukum melakukan hubungan kelamin dengan pasangan (isteri) yang masih kanak-kanak. Walau bagaimanapun, pendapat Imam Shafie bahawa wali disunatkan untuk menikahkan anak perempuan apabila mereka baligh dan disunatkan meminta izin dari mereka untuk dinikahkan menunjukkan wujudnya pertimbangan kepentingan tentang usia baligh bagi perkahwinan, kerana hubungan kelamin berlaku dalam ikatan perkahwinan.³²

Imam Khayr al-Dīn al-Ramlī (1585-1671M) seorang mufti Palestine ketika membincangkan isu ini menyatakan bahawa hubungan kelamin dengan isteri yang masih kanak-kanak belum didatangi haid (baligh) adalah dibenarkan jika keadaan fizikal isteri berkenaan bersedia dan boleh disetubuh serta disyaratkan mahar diserahkan dengan segera kepada isteri. Seseorang kanak-kanak yang belum baligh yang mempunyai bentuk fizikal yang agak berisi dan besar (*saminah wa dhakhmah*) dianggap berkemampuan untuk disetubuh oleh suami. Jika hakim merasa ragu-ragu kemampuan fizikal isteri yang belum baligh untuk melayan hubungan kelamin, hakim perlu merujuk pandangan wanita yang berpengalaman dalam hal ini. Jika selepas pemeriksaan dilakukan oleh wanita berkenaan ke atas tubuh badan kanak-kanak berkenaan, dan dia berpendapat kanak-kanak itu boleh dan berkemampuan membuat hubungan kelamin, kanak-kanak akan diserahkan kepada suami, dan sebaliknya jika keadaan fizikalnya dianggapkan belum bersedia untuk hubungan kelamin dan dikhuatir boleh memudaratkan kanak-kanak berkenaan, dia perlu diserahkan kembali di bawah jagaan bapanya.³³

³² Al-Nawāwī, *Rawdah al-Tālibīn*, v. 402.

³³ Khayr al-Dīn Ibn Ahmad al-Ramlī, *Kitāb al-Fatāwā al-Kubrā li al-Naf'i al-Birriyyah* (al-Qahirah, Bulaq: n.p.p., 1273H/ 1856-57M), i. 29-30; Kes ini turut dibincangkan dalam Judith E. Tucker, *In the House of Law: Gender and Islamic Law in Ottoman Syria and Palestine* (Berkeley, Los Angeles, London: University of California Press, 1998), 48.

Dalam kes yang melibatkan kanak-kanak (isteri) mlarikan diri dari suami kembali ke rumah keluarganya kerana takut dan tidak bersedia melakukan hubungan kelamin, Imam Khayr al-Dīn al-Ramlī berpendapat kanak-kanak yang dianggap tidak bersedia melakukan hubungan kelamin itu tidak boleh diserahkan kepada suaminya, bahkan kekal di rumah bapanya sehingga dia matang dan bersedia dari segi fizikal untuk disetubuhi. Sebaliknya, jika keadaan fizikal kanak-kanak yang mlarikan diri itu dilihat berkemampuan membuat hubungan kelamin dia perlu diserahkan semula kepada suaminya.³⁴

DISKUSI PENETAPAN HAD UMUR MINIMA PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT ISLAM

Seiring dengan pengaruh kemodenan Barat terhadap masyarakat Islam serta kesedaran keperluan perubahan hukum yang selaras dengan perkembangan masyarakat, penilaian semula tentang amalan perkahwinan melibatkan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak perempuan mula mendapat perhatian. Kepentingan wanita untuk membuat pilihan dan ruang untuk terlibat dengan aktif dalam masyarakat dan pembangunan negara menjadi agenda perjuangan golongan yang menuntut reformasi dalam pemikiran Islam berkenaan dengan hal ehwal membabitkan wanita dan kekeluargaan.

Perkahwinan pada peringkat kanak-kanak dianggap boleh mendarangkan mudarat kepada diri kanak-kanak itu sendiri, bahkan juga kepada institusi kekeluargaan dan pembangunan negara. Kanak-kanak dilihat sebagai aset negara yang perlu diberi ruang meningkatkan perkembangan diri melalui pendidikan dan peluang membuat pilihan tentang kehidupannya apabila dia sudah dewasa. Kanak-kanak yang dipaksa berkahwin pada usia awal tidak lagi berpeluang membuat pilihan tentang kehidupannya dan berserah kepada situasi yang melingkunginya tanpa ada keupayaan intelek untuk mempertikai dan mengubah keadaan.

Pengaruh perundangan Barat yang menetapkan tahap minima bagi seseorang yang dibenarkan berkahwin mula dilihat sebagai sesuatu perkara yang positif oleh segolongan masyarakat Islam yang mendokong idea reformasi Islam yang mula tercetus di Timur Tengah dan seterusnya mempengaruhi golongan intelektual Melayu di Tanah Melayu.

Perbincangan awal ketetapan had umur minimum perkahwinan dalam masyarakat Islam mula tercetus di Mesir apabila *al-Ittihād al-Nisa'i al-Miṣrī*

³⁴ Al-Ramlī, *Kitāb al-Fatāwā al-Kubrā*, i. 30; Tucker, *In the House of Law*, 155-156.

(Feminist's Union) yang ditubuhkan pada tahun 1923, diketuai Huda Sha'arawi,³⁵ menuntut dari kerajaan Mesir agar menetapkan umur minima perkahwinan bagi wanita pada usia 16 tahun dan 18 tahun bagi lelaki. Cadangan tersebut telah dibentangkan dan dibincangkan oleh Rektor Universiti al-Azhar, Mufti Besar Mesir serta beberapa ulama lain yang dijemput oleh kerajaan Mesir. Mereka sepakat memutuskan bahawa penetapan had umur minima sebagaimana yang dicadangkan adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak. Berikutan ketetapan tersebut, cadangan itu kemudiannya telah diluluskan Parlimen dan dikuatkuasakan sebagai undang-undang pada tahun 1924.³⁶

Di Malaysia, amalan perkahwinan antara pasangan bawah umur, terutamanya melibatkan anak-anak perempuan begitu meluas dalam kalangan masyarakat Melayu sebelum tahun 1930an. Dorongan utama berlakunya perkahwinan usia muda bagi anak-anak perempuan adalah kerana disebabkan faktor ekonomi. Masyarakat Melayu yang miskin adakalanya mengambil keputusan mengahwinkan anak perempuan dengan matlamat mendapatkan wang dari hantaran perkahwinan. Keperluan tenaga kerja mengusahakan ladang atau tanah sawah yang luas memerlukan tenaga kerja tambahan, dan adanya menantu lelaki dianggap boleh mengurangkan bebanan tersebut.³⁷

Persoalan mengenai kesesuaian perkahwinan pada usia yang amat muda mula dibangkitkan oleh golongan intelektual Islam di Tanah Melayu pada tahun 1930-an. Walau bagaimanapun, perbincangan lebih menjurus kepada kesesuaian amalan yang baik, dan bukan ke tahap penetapan umur minima perkahwinan dari segi undang-undang. Pada ketika itu, kesedaran tentang keperluan peningkatan status wanita dalam masyarakat dan keperluan pendidikan telah mula mendapat tempat kesan idea reformasi yang dicetuskan di Mesir. Oleh itu, kesedaran agar anak-anak yang masih amat muda tidak dikahwinkan oleh ibu bapa dibincangkan dalam kerangka memberi kesedaran tentang kesan negatif dari segi sosial dan kemasyarakatan, dan bukan dari segi ketetapan undang-undang yang mengikat.

Antara tokoh awal yang membangkitkan isu kahwin muda dalam kalangan masyarakat Melayu adalah Fadhlullah Suhaimi. Beliau berpendapat anak-anak perempuan yang berumur 13 -14 tahun tidak sesuai untuk berkahwin, kerana pada peringkat umur ini anak-anak, sama ada lelaki atau perempuan

³⁵ M.F Badran, 'Huda Sha'arawi and the Liberation of the Egyptian Woman (Tesis Ph.D; London, University of Oxford, 1977), 155.

³⁶ Ali A. Izadparast, 'Position of Women in Muslim Arab Societies,' (Tesis Ph.D; United States, University of Utah, 1974), 78.

³⁷ Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi* (Selangor: Progressive Publishing House Sdn Bhd, 1998), 128.

perlu bersekolah mencari ilmu pengetahuan bagi memajukan masyarakat Islam. Masyarakat digesa agar memikirkan kesan negatif perkahwinan bawah umur terhadap pembangunan masyarakat Islam, walaupun ia bukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang pada ketika itu. Bagi menguatkan hujahannya, beliau mengemukakan beberapa kemungkinan buruk akibat perkahwinan bawah umur; 1) anak yang dilahirkan ibu muda kemungkinan tidak sihat dari segi fizikal; 2) anak yang dilahirkan kemungkinan tidak akan mendapat pendidikan yang baik, kerana ibu sendiri tidak mendapat pendidikan kerana berkahwin di usia muda; 3) anak-anak mungkin kurang cerdas akal dan kurang jelas penglihatan mata; dan 4) anak-anak berkemungkinan menjadi kurang cerdik.³⁸

Kesan dari kelahiran generasi pelapis yang kurang daya akal, dianggap akan menjelaskan agenda pembangunan masyarakat Islam yang sepatutnya digerakkan oleh pendidikan. Beliau merujuk pandangan Imam Shāfi’ī bagi menguatkan hujah beliau bahawa, kecerdikan adalah salah satu syarat utama untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan. Fadhlullah Suhaimi yakin bahawa ibu bapa yang dewasa lebih mampu mengelakkan mudarat yang tersebut di atas, bahkan kebaikan yang lebih menyeluruh akan dapat dilaksanakan.³⁹

Selaras dengan idea pemartabatan kedudukan wanita dalam masyarakat sebagai antara faktor utama pembangunan masyarakat Islam yang didokong oleh beliau dan reformis lain sezaman dengannya, beliau menekankan aspek pendidikan. Generasi pelapis perlu mendapat pendidikan yang baik, bukan sahaja di sekolah, bahkan perlu bermula lebih awal lagi, iaitu di rumah bersama ibu bapa. Justeru, amalan perkahwinan muda dilihat sebagai penghalang kepada kemajuan masyarakat yang ingin dicapai kerana ibu muda yang belum sempat menjalani proses pendidikan tidak akan mampu mendidik anak-anak dengan baik disebabkan tiada ilmu pengetahuan. Oleh itu, menurut beliau umur yang sesuai bagi wanita untuk berkahwin adalah pada usia 18 tahun, dan bagi lelaki pada usia 25 tahun.⁴⁰

Namun begitu, usaha Fadhlullah Suhaimi dalam isu ini lebih cenderung kepada usaha merubah budaya dan amalan lazim masyarakat, dan beliau tidak bersetuju larangan dalam bentuk undang-undang yang mengikat anggota masyarakat. Beliau menekankan kesedaran ibu bapa agar lebih menitikberatkan pendidikan dan memberi ruang kepada anak-anak mendapat pendidikan terlebih dahulu sebelum dipaksa berkahwin. Oleh itu, apabila isu penetapan

³⁸ Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi*, 129.

³⁹ Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi*, 129.

⁴⁰ Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi*, 129.

had minimum perkahwinan dari segi undang-undang mula dibincangkan dalam masyarakat Islam Singapura pada tahun 1950an, beliau menentang peraturan berkenaan. Dalam kritikan beliau terhadap rang undang-undang menghadkan umur minimum perkahwinan di Singapura pada tahun 1950an, beliau mengatakan rang undang-undang tersebut tidak boleh dilaksanakan dalam masyarakat Islam kerana bertentangan dengan hukum syarak. Beliau berpendapat undang-undang keluarga Islam Mesir yang membataskan usia minima perkahwinan kepada lapan belas tahun kepada lelaki dan enam belas tahun kepada perempuan yang cuba diikuti untuk dilaksanakan di Singapura tidak sesuai untuk masyarakat tempatan dan ianya bertentangan dengan hukum syarak.⁴¹

Fadhlullah Suhaimi menggesa agar hasrat kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang had minimum perkahwinan di Singapura dibatalkan, kerana undang-undang negeri hasil pemikiran manusia tidak boleh membatalkan hukum syarak, keadaan ini menurut beliau bakal mencetuskan kegelisahan dan kacau bilau dalam masyarakat Islam. Beliau mengingatkan golongan yang mencabar kesahihan perkahwinan di sisi hukum syarak, bahawa tindakan tersebut boleh menyebabkan akidah dan keimanan terjejas, manakala golongan lain yang membisu dan membiarkan isu tersebut tanpa apa-apa kritikan dan tindakan untuk menghalangnya menyebabkan mereka mendapat dosa besar.⁴²

Justeru beliau mengemukakan agar: 1) ibu bapa hendaklah mendorong anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi; 2) anak-anak perempuan yang cerdik dan rajin belajar hendaklah diberi peluang melanjutkan pelajaran setinggi yang mungkin, dan tidak dihalang kemajuan mereka dengan perkahwinan pada usia muda mereka; 3) golongan lelaki perlu lebih bersikap suportif terhadap keinginan dan keperluan perempuan terhadap pendidikan, dengan cara tidak meminang perempuan yang sedang belajar; 4) penerbitan dan penulisan mengenai keburukan perkahwinan bawah umur perlu lebih giat diusahakan bagi menyedarkan masyarakat tentang kesan negatif amalan ini; dan 5) para doktor dan aktivitis sosial perlu lebih berperanan menyebarkan dan menjelaskan kepada masyarakat tentang akibat buruk perkahwinan bawah umur.⁴³

Dalam isu had umur minima perkahwinan ini, jelas sekali menunjukkan kecenderungan Fadhlullah Suhaimi untuk mengikat diri beliau dengan pandangan sedia dalam kitab-kitab fiqh tradisi sedia ada tanpa inisiatif memikirkan ketetapan hukum baharu yang lebih bersesuaian dengan

⁴¹ Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi*, 130.

⁴² Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi*, 131-132.

⁴³ Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi*, 132.

perubahan masyarakat. Pendekatan yang lebih sesuai mengikut pandangan beliau ialah dengan cara mengubah persepsi masyarakat sendiri agar tidak mengamalkannya, tanpa paksaan dan kesan dari undang-undang negeri.

Isu had minima perkahwinan dalam undang-undang negara dan isu baligh adalah dua perkara yang berbeza. Oleh kerana, definisi baligh merujuk kepada perkembangan fisiologi seseorang gadis, manakala had umur merujuk bilangan tahun tanpa mengira sama ada seseorang itu telah baligh dari segi fisiologi, maka pertentangan pandangan antara masyarakat Islam mengenai perkara ini merupakan sesuatu yang dijangka.

Perubahan pemikiran masyarakat Islam kesan secara langsung atau tidak langsung dari perundangan Barat dan reformasi pemikiran Islam yang menekankan penggunaan ijтиhad dalam mencari penyelesaian praktikal dan bersesuaian dengan perkembangan masyarakat Islam semasa menyaksikan usaha-usaha menetapkan had minima perkahwinan dalam masyarakat Islam dalam bentuk undang-undang mula diterima dan dikuatkuasakan walaupun terdapat suara-suara konservatif yang tidak bersetuju dengan peruntukan tersebut.

Kodifikasi undang-undang keluarga Islam moden di negara-negara Islam menyaksikan perubahan penerimaan pihak pemerintah dan para ulama yang dirujuk untuk tidak begitu terikat dengan pandangan mazhab yang mereka pegangi dengan secara ketat. Berasaskan konsep *takhayyur* dalam kerangka *siyāsah shar'iyyah*, pendapat-pendapat dari mazhab-mazhab lain mula digunakan dan diperuntukkan dalam kod undang-undang sekiranya dilihat bersesuaian dengan maslahah masyarakat semasa. Imbangan antara konsep baligh dalam Islam dan ketetapan umur minima bagi perkahwinan yang digunakan dalam perundangan Barat diteliti dan dinilai sebelum diterima dan dinyatakan dalam kod undang-undang keluarga Islam.

Undang-undang Keluarga Islam Syria tidak menggunakan pandangan Jumhur Ulama yang mengharuskan perkahwinan kanak-kanak, sebaliknya berpegang dengan pendapat Ibn Shabramah yang mengatakan perkahwinan kanak-kanak adalah tidak sah.⁴⁴ Sebaliknya Undang-undang Syria menetapkan bahawa had minima perkahwinan bagi lelaki adalah lapan belas tahun dan perempuan tujuh belas tahun.⁴⁵

Bermatlamatkan menjaga *maṣlahah* kanak-kanak itu sendiri secara khususnya dan masyarakat secara umumnya kanak-kanak dilarang berkahwin disebabkan kebimbangan kesukaran mereka melaksanakan tugas dan

⁴⁴ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 179.

⁴⁵ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 185.

tanggungjawab mereka sebagai suami dan isteri.⁴⁶ Walau bagaimana pun, ketetapan had minima lapan belas dan tujuh belas tahun ini adalah tidak mutlak kerana hakim mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan perkahwinan yang melibatkan lelaki yang berusia lima belas tahun dan perempuan tiga belas tahun jika kedua-duanya yang memohon untuk berkahwin itu telah baligh. Dakwaan bahawa mereka telah baligh ini perlu dibuktikan terlebih dahulu melalui bukti perubatan untuk dipastikan kesahihannya. Keizinan ini diberikan bagi mengelakkan mereka terjebak dalam maksiat. Usia baligh dianggap sebagai usia yang membolehkan seseorang itu mampu melakukan hubungan kelamin.⁴⁷

Undang-undang Keluarga Islam di Morocco pula menetapkan umur yang dibenarkan berkahwin bagi lelaki ialah lapan belas tahun dan perempuan lima belas tahun, walau bagaimanapun keizinan berkahwin boleh dipertimbangkan tertakluk kepada persetujuan penjaga (wali) dengan merayu kelulusan dari pihak mahkamah.⁴⁸

Di Mesir had umur minima yang dibenarkan berkahwin adalah lapan belas tahun bagi lelaki dan enam belas tahun bagi perempuan. Mereka yang berumur kurang dari had minima berkenaan hanya dibenarkan berkahwin dengan mendapat keizinan khas dari mahkamah melalui permohonan yang dikemukakan.⁴⁹

Alasan dihadkan umur minima dalam bentuk undang-undang adalah bagi menjaga kesihatan diri, bukan sahaja diri tapi juga kandungannya apabila dia hamil. Kebimbangan utama adalah bagi mengelakkan mudarat ke atas kanak-kanak itu sendiri, kerana keadaan fizikal tubuh badan mereka yang belum matang untuk hamil dan melahirkan anak.⁵⁰

Pertimbangan kemampuan fizikal suami dan isteri yang di bawah umur minima untuk melakukan hubungan kelamin tidak diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia sebelum seseorang hakim meluluskan permohonan perkahwinan di bawah had umur minima. Penulis berpendapat pelaksanaan undang-undang di Syria berkenaan perkara ini perlu dicontohi oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Di bawah undang-undang keluarga Syria, permohonan perkahwinan di bawah had

⁴⁶ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 184.

⁴⁷ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 185.

⁴⁸ Jamal J. Ahmad Nasir, *The Islamic Law of Personal Status* (Leiden, Boston: Brill, 2009), 50.

⁴⁹ Jamal J. Ahmad Nasir, *The Islamic Law of Personal Status*, 50.

⁵⁰ Ibrahim Fauzi, *Aḥkām al-Usrah fī al-Jahiliyyah wa al-Islām*, 63.

umur minima hanya terhad kepada lelaki yang berusia lima belas tahun dan bagi perempuan yang berusia tiga belas tahun sahaja. Maknanya lelaki yang berusia empat belas tahun ke bawah dan perempuan yang berusia dua belas tahun ke bawah tidak ada ruang untuk membuat permohonan perkahwinan. Bahkan, permohonan mereka (iaitu lelaki yang berusia lima belas tahun dan bagi perempuan yang berusia tiga belas tahun) perlu disertakan dengan bukti keterangan perubatan yang membuktikan bahawa mereka telah baligh yang secara implisit menunjukkan kesediaan fizikal mereka melakukan hubungan kelamin.⁵¹

Perkembangan undang-undang keluarga Islam di negara-negara Islam lain di Timur Tengah yang mula memperkenalkan undang-undang berasaskan kesimpulan hukum yang tidak terikat dengan pandangan mazhab anutan majoriti masyarakat Islam di negara masing-masing turut terkesan di Malaysia yang juga mula menerima ketetapan had umur minima perkahwinan dalam bentuk undang-undang. Bagi menjaga kebajikan wanita, kodifikasi undang-undang keluarga Islam pada tahun 1980an memperuntukkan, bahawa pernikahan seseorang yang berumur kurang dari lapan belas tahun bagi lelaki dan enam belas tahun bagi perempuan adalah tidak dibenarkan melainkan dengan mendapat keizinan bertulis dari hakim dengan alasan-alasan tertentu.⁵² Peruntukan ini dikekalkan dalam penyelarasan undang-undang pada tahun 2000-an dengan tujuan bagi memastikan suami dan isteri pada tahap umur yang matang untuk menjalankan tanggungjawab dalam rumah tangga.⁵³

Pertimbangan antara maslahah kanak-kanak untuk tidak dikahwinkan dan ruang wujudnya kemungkinan perlunya perkahwinan dalam kes-kes tertentu diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam. Diperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan itu tidak boleh diakadkan dengan sewenang-wenangnya termasuklah oleh wali, bahkan perlu mendapat keizinan dari pihak berkuasa di negeri di mana seseorang perempuan itu bermastautin.⁵⁴ Oleh itu, sekiranya seseorang wali termasuk wali mujbir seperti bapa atau datuk kepada bapa menikahkan kanak-kanak tanpa mendapat keizinan secara bertulis dari hakim mahkamah syariah, dia dianggap telah melakukan tindakan yang menyalahi peruntukan seksyen 40 Akta 303 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

⁵¹ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vii. 185.

⁵² Seksyen 8, Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984.

⁵³ Seksyen 8, Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 (pindaan 2006); Seksyen 8, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan, No. 6/ 2002.

⁵⁴ Seksyen 19, Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984.

Wujudnya peruntukan ini merupakan ruang agar sesuatu perkahwinan itu dilaksanakan mengikut ketetapan syarak serta pertimbangan-pertimbangan lain seperti kerelaan pihak-pihak yang akan berkahwin serta syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi mengikut hukum syarak. Begitu juga peruntukan yang memberikan kuasa kepada mahkamah mempertimbangkan permohonan perkahwinan bagi pasangan suami atau isteri atau kedua-duanya yang berusia di bawah had minima perkahwinan adalah ruang kepada pihak mahkamah menyelidiki keadaan pihak-pihak dari segi latar belakang, keadaan fizikal dan kemampuannya untuk memikul tanggungjawab sebagai suami atau isteri.

Lazimnya dalam kes-kes yang mana mahkamah syariah memberi keizinan perkahwinan kepada pihak atau pihak-pihak yang berusia di bawah had umur minima perkahwinan melibatkan pasangan yang telah baligh, mungkin usia dua belas, tiga belas tahun, lima belas tahun dan sebagainya. Berdasarkan penelitian penulis, mahkamah syariah belum pernah meluluskan permohonan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak kecil yang masih belum baligh. Isu yang timbul di dada akhbar beberapa tahun yang lalu melibatkan perkahwinan yang masih kanak-kanak (belum baligh) adalah yang diakadkan oleh wali mujbir tanpa pengetahuan dan keizinan mahkamah. Kedua-dua bentuk perkahwinan, iaitu perkahwinan dengan keizinan mahkamah dan perkahwinan tanpa izin mahkamah yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak memahami kepentingan undang-undang dan maslahah perkahwinan yang perlu dijaga dan hanya menggunakan hujah sunnah secara selektif bagi memenuhi kehendak peribadi adalah dua perkara yang berbeza.

UMUR DEWASA DAN HAD UMUR MINIMA PERKAHWINAN DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

Menurut ketetapan di bawah *common law*, seseorang itu dianggap dewasa pada usia dua puluh satu tahun.⁵⁵ Namun, disebabkan ketiadaan alasan kukuh dan munasabah dalam penetapan umur dua puluh satu tahun sebagai umur dewasa, kebanyakan sistem perundangan di negara-negara barat telah meminda umur dewasa dari dua puluh satu tahun kepada lapan belas tahun.⁵⁶

⁵⁵ Lihat *Re Agar-Ellis* (1883) 24 Ch D 317, 335.

⁵⁶ S.M Cretney, *Principles of Family Law* (London: Sweet & Maxwell, 1984), 465; H.A Finlay & R.J Bailey-Harris, *Family Law in Australia* (Sydney: Butterworths, 1989), 215.

Akta Umur Dewasa 1971 menyatakan, seseorang yang cukup umur lapan belas tahun dianggap sebagai seorang yang dewasa,⁵⁷ melainkan diperuntukkan selainnya dalam mana-mana undang-undang bertulis.⁵⁸ Had umur lapan belas tahun dalam Akta ini adalah sama dengan peruntukan dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.⁵⁹ Walau bagaimanapun had umur dewasa bagi orang Islam dan bukan Islam di bawah Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 adalah berbeza. Umur dua puluh satu tahun ditetapkan sebagai umur dewasa bagi orang bukan Islam dan lapan belas tahun bagi yang beragama Islam.⁶⁰

Dalam undang-undang keluarga Islam bagi maksud perwalian ke atas diri dan harta, seseorang itu dianggap dewasa apabila berusia lapan belas tahun tanpa membezakan sama ada lelaki atau perempuan,⁶¹ dan tidak menggunakan had baligh secara fizikal sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran (وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ) yang bermaksud: “Dan ujilah anak yatim sehingga mereka telah sampai umur baligh (*balaghū al-nikāh*),⁶² atau kiraan tahun sebagaimana yang ditetapkan oleh ulama-ulama mazhab, iaitu lima belas tahun bagi mazhab Ḥanafī, Shāfi’ī dan Ḥanbalī⁶³ dan tujuh belas tahun bagi mazhab Malikī⁶⁴ dan Imām Abu Ḥanifah.⁶⁵

Namun, bagi maksud perkahwinan, undang-undang keluarga Islam Malaysia membezakan tahap umur antara lelaki dan perempuan yang dianggapkan layak berkahwin di sisi undang-undang, iaitu lapan belas tahun bagi lelaki dan enam belas tahun bagi perempuan. Walau bagaimanapun, mereka yang berusia kurang dari tahap minima berkenaan dibenarkan berkahwin dengan syarat mendapat keizinan dari mahkamah terlebih dahulu.⁶⁶ Oleh itu, usia

⁵⁷ Akta Umur Dewasa, seksyen 2.

⁵⁸ Akta Umur Dewasa, seksyen 4 (c).

⁵⁹ Akta 164.

⁶⁰ Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961, seksyen 2 (a) (i) (ii); Lihat kes *Kanagalingam lwn Kanagarajah* (1982) 1 MLJ 264.

⁶¹ Akta 303, seksyen 88 (4).

⁶² Surah al-Nisa’, 4: 5.

⁶³ Ibn al-Hummām, *Sharḥ fatḥ al-qadīr*, iii. 3, 310; al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūt*, vi. 46; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, iv. 346; al-Shirāzī, *al-Muhaḍhdhab*, i. 330; al-Shāfi’ī, *al-Umm*, ii. 223; al-Qalyūbī, *Hāshiyatānī Qalyūbiy wa ‘Umayrah*, ii. 300; al-Zarkashī, *Sharḥ al-Zarkashī*, 95.

⁶⁴ Al-Dusūqī, *Hāshiyah al-Dusūqī*, iii. 293.

⁶⁵ Al-Sarakhsī , *Kitāb al-Mabsūt*, vi. 46.

⁶⁶ Akta 303, seksyen 8.

bagi melayakkan seseorang berkahwin tidak semestinya dia seseorang yang dianggap dewasa dari segi undang-undang.

Isu had umur minima perkahwinan ini mula menjadi isu yang diperdebatkan dalam masyarakat Islam apabila timbulnya kes-kes perkahwinan di bawah umur di dada-dada akhbar. Terdapat dua bentuk perkahwinan yang berlaku yang menjadi perhatian masyarakat. Pertama perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak yang masih muda dan belum baligh (contohnya sembilan atau sepuluh tahun) dengan lelaki yang jauh lebih tua usianya (empat puluh tahun) yang dinikahkan oleh bapa sebagai wali mujbir tanpa keizinan mahkamah.⁶⁷ Keduanya melibatkan pasangan suami atau isteri yang berusia belasan tahun yang telah mencapai tahap baligh tetapi belum mencapai tahap umur minima dan mereka dibenarkan berkahwin dengan mendapat keizinan mahkamah selepas mengemukakan permohonan.⁶⁸

Respons masyarakat Islam terhadap isu-isu di atas juga pelbagai. Pendapat pertama, menolak secara mutlak amalan perkahwinan bagi mereka yang berusia di bawah had minima perkahwinan tanpa membezakan sama ada melibatkan suami atau isteri yang masih kanak-kanak dan belum baligh atau mereka yang telah baligh tetapi berumur kurang dari lapan belas bagi lelaki dan enam belas tahun bagi perempuan sama ada yang dilakukan dengan izin

⁶⁷ Seorang kanak-kanak perempuan berusia sepuluh tahun dinikahkan oleh bapanya dengan seorang lelaki digelar Shamsuddin Ajaib yang berusia 40an di sebuah madrasah yang disinggahi ketika dalam perjalanan pulang dari berdakwah dengan disaksikan ahli-ahli jemaah yang hadir. Perkahwinan yang mudah tanpa ada permohonan dan keizinan dari mahkamah itu dilihat sebagai mengikut sunnah Nabi. Selain itu, Shamsuddin Ajaib juga mengahwinkan anak perempuannya dengan ahli jemaah lain yang bernama Azhar. Kedua-dua kanak-kanak tersebut dibawa bermalam di hotel oleh suami masing-masing. *Utusan Malaysia*, 12 Mac 2012; Lihat juga *Utusan Malaysia*, 14 Mac 2012 ; *Utusan Malaysia*, 15 Mac 2012.

⁶⁸ Perkahwinan melibatkan pengantin lelaki berusia enam belas tahun dan pengantin perempuan berusia empat belas tahun dimuat naik dalam youtube mendapat pelbagai reaksi dari masyarakat Malaysia, www.youtube.com/watch?v=TFsS7B9JFSg; mynewshub.my/2012/perkahwinan-muda-syafiq-yana-cetuskan-fenomena. Dilayari pada 14 Disember 2012; Laporan dalam *Berita Harian*, 7 Disember 2010 memaparkan remaja perempuan berusia empat belas tahun dan suaminya berusia dua puluh tiga tahun mendapat reaksi yang pelbagai dari masyarakat Malaysia, www.bharian.com.my/bharian/articles/Kementeriansiasatgadis14tahunberkahwin/Article/index_htm, 30 Disember 2010.

mahkamah atau tanpa izin mahkamah yang dilakukan oleh wali mujbir.⁶⁹ Bagi menguatkan hujah bahawa sebarang bentuk perkahwinan kanak-kanak dilarang dalam Islam, terdapat pihak yang mempertikaikan autoriti hadis Nabi Muhammad SAW yang berkahwin dengan Aishah R.A pada usia enam tahun dan hidup bersama dengan Nabi ketika umurnya sembilan tahun. Golongan ini mengatakan bahawa Aishah bukan seorang kanak-kanak ketika dikahwini oleh Nabi Muhammad SAW.⁷⁰

Pendapat kedua, perkahwinan dengan kanak-kanak yang belum baligh adalah sunnah Nabi Muhammad SAW yang berkahwin dengan Aishah R.A ketika berusia enam tahun. Mereka mengatakan sunnah ini perlu dihormati, justeru ia harus dilakukan. Pihak yang dilihat cuba mempertikaikan tindakan yang dilakukan oleh lelaki yang agak berusia dengan kanak-kanak yang masih berusia sembilan atau sebelas tahun dalam bentuk kes yang pertama dilihat sebagai menentang sunnah Nabi Muhammad SAW dan peruntukan undang-undang yang memerlukan keizinan hakim mahkamah syariah bagi kes perkahwinan bawah umur adalah sesuatu yang perlu dikebelakangkan kerana bertentangan dengan sunnah Nabi Muhammad SAW.⁷¹

Pendapat ketiga, adalah pendapat yang tidak menolak secara mutlak perkahwinan yang melibatkan mereka yang berusia di bawah umur minima perkahwinan, namun mempersoalkan tentang alasan-alasan yang menyebabkan hakim membenarkan permohonan perkahwinan di bawah umur.⁷² Walaupun, perkahwinan kanak-kanak adalah sah di sisi agama berdasarkan dalil sunnah yang jelas dan tidak dipertikaikan, namun mereka berpendapat perkahwinan yang disyariatkan bukan semata-mata berdasarkan nafsu dan sunnah semata-mata tetapi juga perlu dilihat dalam konteks perkahwinan yang lebih luas. Sunnah Rasulullah tidak harus disalahtafsir dan dijadikan alasan bagi

⁶⁹ Pendapat ini dikemukakan oleh Sister in Islam yang mengkritik tindakan hakim yang membenarkan perkahwinan di antara pengantin perempuan yang berusia dua belas tahun dengan lelaki yang berusia sembilan belas tahun yang tiada pekerjaan. Mahkamah Syariah dilihat sebagai gagal memberi perlindungan kepada kanak-kanak perempuan. Syariah Courts fails to protect and safeguard Muslim Girls, www.sisterinislam.org.my, 14 Disember 2012.

⁷⁰ ‘Umur Saidatina Aishah Sewaktu Bernikah Dengan Rasulullah SAW’, aburedza.wordpress.com/2010/06/12/umur-saidatina-‘aishah-sewaktu-bernikah-dengan-rasulullah-s-a-w, 31 Disember 2012.

⁷¹ ‘Kahwin bawah umur: Apa Masalahnya?’, http://www.mykhalifah.com/sautun_nahdhah/SN2, 31 Disember 2012.

⁷² ‘Kahwin kanak-kanak: Shahrizat Mahu Mahkamah Syariah ‘Lebih Bijaksana’’, www.themalaysianinsider.com, 31 Disember 2012.

mengharuskan amalan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur.⁷³ Pihak-pihak yang berkahwin sepatutnya adalah mereka yang mampu menanggung hubungan kelamin. Oleh itu, bagi kes perkahwinan bawah umur, hanya kes-kes tertentu sahaja yang boleh dibenarkan selepas hakim menilai keadaan kes berkenaan secara keseluruhan.⁷⁴

Sebelum wujudnya peruntukan had minima perkahwinan di Malaysia, isu kesahihan perkahwinan melibatkan kanak-kanak pernah dibangkitkan di Mahkamah pada zaman pemerintahan British. Dalam kes *M.M Nordin v Shaikh Mohamed Meah Nordin Shah*,⁷⁵ isu umur dewasa menjadi isu yang dipersoalkan berkenaan dengan kesahihan perkahwinan. Dalam kes ini, wali menghujahkan bahawa umur dewasa bagi seseorang anak perempuan adalah 21 tahun sebagaimana yang ditetapkan dalam prinsip undang-undang Inggeris. Hakim walau bagaimanapun merujuk buku Ameer Ali's "Muhammadan Law" yang menyatakan bahawa pendapat mazhab Shāfi'ī dan Ḥanafī meletakkan umur 15 tahun sebagai umur dewasa. Oleh sebab anak perempuan dalam kes ini mencapai umur baligh, dan telah menukar mazhab iaitu dari mazhab Shāfi'ī kepada mazhab Ḥanafī, maka dia dianggap berkelayakan berkahwin mengikut kehendaknya sendiri walaupun tanpa keizinan wali sebagaimana ketetapan mazhab Ḥanafī.

Dalam kes *Re Maria Hertogh*,⁷⁶ seorang gadis berusia tiga belas tahun (Maria) berbangsa Belanda yang dibesarkan oleh ibu angkatnya sebagai seorang Islam semenjak umurnya empat tahun telah berkahwin dengan seorang lelaki Melayu Islam bernama Mansor mengikut hukum syarak di Singapura.

⁷³ Zulkifli Mohamad al-Bakri, 'Pernikahan Bawah Umur dari Perspektif Syarak', Kertas kerja Seminar Kebangsaan Undang-undang Keluarga Islam, Kuala Lumpur, 29 Januari 2011, 17.

⁷⁴ 'USIA Tidak Setuju Isu Kahwin Kanak-kanak', *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2010; www.sabahkini.net, 31 Disember 2012; 'Kahwin Kanak-kanak Umpama Tindakan Orang 'Lapar' Sunnah Nabi', *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2010. Dato' Nik Abdul Aziz Menteri Besar Kelantan pada waktu tersebut dalam kenyataannya dilaporkan tidak bersetuju terhadap perkahwinan bawah umur kerana menurutnya Islam menggalakkan perkahwinan untuk mendapatkan zuriat dan bukan semata-mata untuk memuaskan nafsu. Beliau tidak bersetuju dengan golongan yang bersifat selektif dan hanya memilih sunnah tertentu bagi menjustifikasi kehendak nafsu, sedangkan banyak lagi amalan sunnah Nabi yang lain yang boleh diikuti dan diamalkan; (www.bumigemilang.com), 31 Disember 2012; 'Islam Benar Perkahwinan Bawah Umur', *Berita Harian*, 20 Disember 2010, www.bharian.com.my/articles/Islambenar_perkahwinan_bawah_umur/Article/, 31 Disember 2012.

⁷⁵ (1908) S.S.L.R 72.

⁷⁶ [1951] MLJ 164.

Ibu bapa kandung Maria menuntut di mahkamah antara lain, deklarasi perkahwinan tersebut adalah tidak sah dan hak penjagaan Maria. Persoalannya ialah adakah perkahwinan itu sah atau tidak di sisi undang-undang? Bagi menjawab persoalan ini, mahkamah menggunakan undang-undang Inggeris yang menyatakan bahawa suatu perkahwinan itu adalah sah jika ia memenuhi syarat perkahwinan yang sah mengikut undang-undang domisil kedua-dua pihak yang berkahwin. Disebabkan gadis tersebut masih di bawah umur, maka domisilnya adalah mengikut domisil bapa kandung, iaitu di Belanda. Oleh itu, undang-undang diri yang terpakai ke atasnya adalah undang-undang negara Belanda yang melarang orang di bawah umur enam belas tahun berkahwin tanpa persetujuan Raja Belanda. Perkahwinan yang diakadkan di Singapura diputuskan sebagai tidak sah kerana tidak mendapat keizinan Raja Belanda.

KESIMPULAN

Penulis berpendapat peruntukan undang-undang yang menetapkan had umur minima perkahwinan lapan belas tahun bagi lelaki dan enam belas tahun bagi perempuan dengan memberikan kuasa kepada Mahkamah sama ada untuk meluluskan permohonan bagi perkahwinan yang di bawah umur minima adalah wajar dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Walau bagaimanapun, dicadangkan agar permohonan perkahwinan di bawah had umur minima perlu disertakan bukti perubatan bahawa pihak yang berusia di bawah umur minima berkenaan telah mencapai tahap baligh. Bukti perubatan perlu bagi memastikan sama ada fizikal seseorang itu mampu dan bersedia untuk hubungan kelamin. Jika alasan dan keadaan yang melingkungi kehidupan mereka memerlukan mereka berkahwin dan mereka sendiri bersedia dengan alam rumah tangga serta mendapat sokongan keluarga, mahkamah boleh mempertimbangkan untuk diluluskan. Kerisauan bagi mengelakkan mereka terjebak dalam maksiat adalah sesuatu yang perlu dipertimbangkan memandangkan mereka telah mencapai usia baligh dan mempunyai shahwat terhadap hubungan kelamin. Perkahwinan adakalanya, dalam kes-kes tertentu adalah lebih baik berbanding tidak berkahwin. Membenarkan kanak-kanak kecil dan masih belum baligh yang belum bersedia dari segi fizikal dan mental untuk berkahwin boleh mendatangkan mudarat, bahkan matlamat perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam tidak tercapai.⁷⁷ Peruntukan Undang-undang Keluarga Syria dalam

⁷⁷ Kajian kehamilan dalam kalangan remaja perempuan menunjukkan bahawa mereka kerap mengalami komplikasi hipertensi, kelahiran pra-matang, kurang kerap badan dan malnutrisi, kepucatan, pengguguran dan kematian ibu. Selain daripada masalah perubatan dan kesihatan, golongan ini juga lazimnya berhadapan dengan masalah sosial yang berkaitan dengan tahap pendidikan dan status ekonomi yang

hal ini boleh dirujuk sebagai contoh yang menggambarkan wujudnya imbalan antara ketetapan undang-undang berkenaan had umur minima perkahwinan dengan *maṣlaḥah* dan kebijakan pihak-pihak yang memohon untuk berkahwin. Peruntukan undang-undang di Syria menghadkan umur minima perkahwinan lapan belas tahun bagi lelaki dan tujuh belas tahun bagi perempuan, namun hakim mempunyai bidang kuasa untuk meluluskan permohonan perkahwinan bagi lelaki yang telah cukup umur sekurang-kurangnya lima belas tahun dan tiga belas tahun bagi perempuan, dan sebagai tambahan kepada syarat umur tersebut pemohon juga perlu membuktikan bahawa mereka telah baligh dari segi hukum syarak. Dakwaan baligh berkenaan juga perlu dibuktikan melalui bukti perubatan. Kawalan pihak pemerintah melalui peruntukan dan kuatkuasa undang-undang bukan perkara baru dalam proses kodifikasi undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan juga di negara-negara Islam yang lain. Pihak pemerintah dalam kerangka *siyasah shar'iyyah* boleh mewujudkan peraturan-peraturan tertentu bagi menjaga maslahah masyarakat umum dan dalam hal ini secara khusus *maṣlaḥah*nya membabitkan kanak-kanak di bawah umur.

RUJUKAN

- Badran, M.F ‘Huda Sha’arawi and the Liberation of the Egyptian Woman,’
(Tesis PhD, University of Oxford, London, 1977).
- Berita Harian*, 7 Disember 2010.
- Berita Harian*, 20 Disember 2010.
- Cretney, S.M, *Principles of Family Law* (London: Sweet & Maxwell, 1984).
- Al-Dusūqī, Shams al-Dīn Muḥammad, *Hāshiyah al-Dusūqī 'alā al-Sharh al-Kabīr*, (al-Qāhirah: Maktabah Zahran, n.d.), iii.
- Finlay, H.A & Bailey-Harris, R.J, *Family Law in Australia* (Sydney: Butterworths, 1989).
- Harlina Halizah Siraj, ‘Pernikahan Bawah Umur dari Perspektif Perubatan,’
Kertas kerja Seminar Kebangsaan Undang-undang Keluarga Islam,
Kuala Lumpur, 29 Januari 2011.
- Ibn Hazm al-Andalūsī, Abū Muḥammad Alī bin Aḥmad bin Sa'id, *al-Muhalla bi al-Athār* (Taḥqīq: ‘Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandariyy; Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, n.d.), ix.

rendah, kurangnya sokongan keluarga dan jagaan kehamilan yang tidak optima yang boleh menyebabkan kehamilan remaja perempuan dikategorikan sebagai berisiko tinggi. Harlina Halizah Siraj, ‘Pernikahan Bawah Umur dari Perspektif Perubatan’ Kertas kerja Seminar Kebangsaan Undang-undang Keluarga Islam, Kuala Lumpur, 29 Januari 2011, 5-6.

- Ibn al-Hummām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wahīd, *Sharḥ Fath al-Qadīr* (Misr: Maṭba’ah Muṣṭafā Muḥammad, n.d.), iii.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Ābidīn bin Ibrāhīm, *al-‘Ashbāh wa al-Nazā’ir ‘ala Madhhab Abī Ḥanīfah al-Nu‘mān*, (al-Qāhirah: Mu’assasah al-Ḥalabī, 1387H/1968M).
- Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abdallāh bin Aḥmad bin Muḥammad, *al-Mughnī* (Misr: Maktabah al-Qāhirah, 1969), iv.
- Ibrahim Fauzi, *Aḥkam al-Uṣrah fī al-Jahiliyyah wa al-Islām* (Beirūt: Dār al-Kalimah, 1983).
- Izadparast, Ali A., ‘Position of Women in Muslim Arab Societies,’ (Tesis PhD, University of Utah, United States, 1974).
- Jamal J. Ahmad Nasir, *The Islamic Law of Personal Status* (Leiden, Boston: Brill, 2009).
- Al-Jazīrī, Abd al-Rahman, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhahib al-Arba’ah* (n.p.: Matba’ah al-Iṛshād, 1935), iv.
- Al-Khatib, Sheikh Alī, *Fiqh al-Tifl: Dirāsaḥ Muqaranaḥ fī Dau’ al-Madhahib al-Fiqhiyyah al-Sab’ah* (Beirūt: Muassasah al-Arif, 2002).
- Motzki, Harald, ‘Child Marriage in Seventeenth – Century Palestine,’ *Islamic Legal Interpretation: Muftis and Their Fatwas* (ed. Muhammad Khalid Masud, Brinkley Messick & David Power; Cambridge: Harvard University Press, 1996).
- Al-Nawāwī, Abī Zakariyā Yahyā bin Sharaf, *Rawḍah al-Tālibin* (Taḥqīq: Adil Aḥmad ‘Abd al-Mawjud; Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2000), v.
- Niamah Hj Ismail Umar, *Fadhlullah Suhaimi* (Selangor: Progressive Publishing House Sdn Bhd, 1998).
- Al-Qalyūbī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin Salāmah & al-Barlaṣī, Shihāb al-Dīn Aḥmad, *Hāshiyatāni Qalyūbī wa ‘Umayrah* (Miṣr: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1956), ii.
- Al-Ramlī, Khayr al-Dīn Ibn Aḥmad, *Kitāb al-Fatāwā al-Kubrā li al-Naf’i al-Birriyyah* (al-Qāhirah, Bulaq: t.pt, 1273H/ 1856-57M), 1.
- Al-Sarakhsī, Shams al-Dīn, *Kitāb al-Mabsūṭ* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1989), vi.
- Al-Shāfi’ī, Abī ‘Abdallāh Muḥammad bin Idrīs, *al-Umm* (Miṣr: al-Dār al-Miṣriyyah, 1321H/1903M), ii.
- Al-Shawkanī, Muḥammad bin Alī bin Muḥammad, *Nail al-Awtar Sharḥ Muntaqa al-Akhbar min Ahadith Sayyid al-Akhyār* (Misr: al-Matba’ah al-Uthmaniyyah al-Miṣriyyah, 1358H/1939M), v.

- Al-Shirāzī, Abī Ishāq, *al-Muhadhdhab* (Misr: Maktabah Ḥasan al-Bābī al-Ḥalabī, t.th.), i.
- Al-Suyyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān, *al-‘Ashbāh wa al-Naṣā’ir fī Qawā’id wa Furu’ Fiqh al-Shāfi’īyyah* (al-Qāhirah: Mu’assasah al-Ḥalabī, n.d.).
- Tucker, Judith E., *In the House of Law: Gender and Islamic Law in Ottoman Syria and Palestine* (Berkeley, Los Angeles, London: University of California Press, 1998).
- Utusan Malaysia*, 10 Mac 2010.
- Utusan Malaysia*, 11 Mac 2010.
- Utusan Malaysia*, 12 Mac 2012.
- Utusan Malaysia*, 14 Mac 2012.
- Utusan Malaysia*, 15 Mac 2012.
- Al-Zarkashī, Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdallah, *Sharh al-Zarkashī ‘alā Mukhtaṣar al-Kharqī* (Riyāḍ: Maktabah al-‘Aikān, 1993).
- Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1984), vii.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, ‘Pernikahan Bawah Umur Dari Perspektif Syarak,’ Kertas kerja Seminar Kebangsaan Undang-undang Keluarga Islam, Kuala Lumpur, 29 Januari 2011.

Laman Sesawang

- www.bharian.com.my/bharian/articles/Kementeriansiasatgadis14tahunberkahwin/Article/index_.htm, 30 Disember 2010.
- www.bumigemilang.com, 31 Disember 2012.
- www.sabahkini.net, 31 Disember 2012.
- www.sisterinislam.org.my, 14 Disember 2012.
- www.themalaysianinsider.com, 31 Disember 2012.
- www.youtube.com/watch?v=TFsS7B9JFSg, 14 Disember 2012.
- www.bharian.com.my/articles/Islambenar_perkahwinanbawahumur/Article/, 31 Disember 2012.
- aburedza.wordpress.com/2010/06/12/umur-saidatina-aishah-sewaktu-bernikah-dengan-rasulullah-s-a-w/, 31 Disember 2012.
- http://www.mykhalifah.com/sautun_nahdhah/SN2, 31 Disember 2012.

Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 2 (2013) 165-190

mynewshub.my/2012/perkahwinan-muda-syafiq-yana-cetuskan-fenomena,
14 Disember 2012.

Statut

Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961.

Akta Umur Dewasa 1971.

Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 (pindaan 2006).

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan, No. 6/ 2002.

Kes-kes

Agar-Ellis, Re (1883) 24 Ch D 317, 335.

Kanagalingam lwn Kanagarajah (1982) 1 MLJ 264.

M.M Nordin v Shaikh Mohamed Meah Nordin Shah (1908) S.S.L.R 72.

Maria Hertogh, Re [1951] MLJ 164.